

# **KUTKM Ke Arah Universiti Bertaraf Dunia**

**Archival News | Utusan Malaysia | 05/08/2006**

Majlis Konvokesyen Kedua

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

Keluaran Khas Sempena Majlis Konvokesyen Kedua KUTKM 2006

Caption:

1. DATUK PROF. ISMAIL BIN HASSAN Rektor
2. TAN SRI DATO' SERI (DR.) MOHD SALEH BIN SULONG Pengurus Lembaga Pengarah KUTKM
3. T.Y.T. TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB Canselor

Kata-Kata Aluan Menteri Pengajian Tinggi

DATO' MUSTAPPA BIN MOHAMED Menteri Pengajian Tinggi

Teras utama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini adalah difokuskan kepada pembangunan modal insan yang berkualiti dan seimbang. Beliau telah menegaskan bahawa dalam memenuhi Misi Nasional dan menuju Wawasan 2020, pembangunan Negara perlu digerakkan oleh manusia yang mempunyai kualiti peribadi yang unggul.

Dalam hal ini, adalah tidak memadai sekiranya sumber manusia yang dibangunkan mempunyai ilmu yang tinggi tetapi tidak menyumbang secara positif kepada pembangunan dan kemajuan Negara.

Berdasarkan kenyataan ini, tanggungjawab yang besar seharusnya dipikul oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) amnya dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya. Kemampuan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara melahirkan graduan yang berkualiti dan seimbang merupakan antara pemangkin utama kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9.

Bagi memastikan IPTA memainkan peranan berkesan dalam usaha ini, beberapa perancangan telah dilakukan oleh Kerajaan. Antara langkah-langkah utama adalah memperkasakan kualiti tenaga pengajar yang berada di IPTA. Dalam RMK 9 kali ini, adalah disasarkan sebanyak 60% tenaga pengajar IPTA memiliki Ijazah Doktor Falsafah menjelang tahun 2010. Pembangunan tenaga pengajar yang berkualiti seterusnya akan memastikan para pelajar di IPTA mendapat bekalan ilmu yang terbaik sepanjang tempoh mereka berada di sana. Selain itu, pembinaan dua buah IPTA baru di Terengganu dan Kelantan pula akan memastikan lebih banyak peluang dibuka kepada para pelajar untuk membangunkan kualiti diri mereka.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga mahu melihat kepada usaha yang lebih pro-aktif di kalangan IPTA bagi meningkatkan kualiti dan reputasi mereka. Antara perkara yang boleh dilakukan adalah usaha membina hubungan strategik dengan industri. Ini penting bagi memastikan graduan yang dikeluarkan memenuhi kehendak industri. Kemahiran berbahasa Inggeris juga perlu diterapkan di kalangan graduan agar mereka mampu bersaing di pasaran global yang lebih kompetitif.

Akhir sekali, usaha melahirkan modal insan yang seimbang dan berkualiti perlu dijadikan matlamat utama setiap IPTA di Malaysia termasuk Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM). Ini kerana setiap graduan yang dikeluarkan pada hari ini adalah merupakan pemimpin Negara di masa akan datang.

Justeru, kita mengharapkan menjelang tahun 2020, Malaysia akan menjadi sebuah Negara yang maju dengan acuannya sendiri seperti yang digariskan dalam Misi Nasional dan bersandarkan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Islam Hadhari.

Syabas dan tahniah kepada semua graduan KUTKM semoga anda menjadi penyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran Negara.

Bicara Rektor Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

DATUK PROF. ISMAIL BIN HASSAN Rektor

Seluruh warga universiti terlebih dahulu mengucapkan syabas dan tahniah kepada graduan kedua KUTKM yang telah menamatkan pengajian mereka dengan jayanya. Anda kini telah bergelar graduan yang akan berjuang menentukan hala tuju kehidupan masing-masing selepas ini.

Semasa masih bergelar mahasiswa - mahasiswi KUTKM, pihak universiti telah berusaha untuk memperlengkapkan anda dengan ilmu pengetahuan tidak sahaja dalam bidang akademik maahan juga dari sudut pembangunan sahsiah. Matlamat universiti supaya graduan KUTKM mampu menjadi modal insan yang terbaik dan dapat mengatasi cabaran serta mempunyai jati diri yang padu bagi menempuh realiti kehidupan selepas ini.

Pandanglah terus ke hadapan untuk mencipta lebih banyak kejayaan selepas bergelar graduan. Ilmu yang ditimba perlu menjadi perintis kepada jalan untuk meneroka rahsia menjadi insan yang lebih hebat. Di hadapan anda kini dipenuhi dengan harapan masyarakat yang menuntut kepada pengorbanan yang lebih hebat bagi membawa kecemerlangan kepada negara. Pihak universiti percaya kepada kewibawaan graduan KUTKM untuk menjadi pencipta kepada sejarah keunggulan negara dan dunia sama ada sebagai pemimpin, usahawan, ahli akademik dan sebagainya.

Modal Insan yang dilahir dan dibentuk oleh KUTKM seharusnya tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian semasa. Mereka mesti sentiasa mempunyai azam untuk menggandakan usaha dan bercita-cita tinggi bagi mencapai matlamat. Graduan KUTKM adalah penggerak masyarakat yang

mendukung wawasan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara, yang berwibawa dan dihormati. Inilah azam yang telah disemaikan pada setiap diri mahasiswa-mahasiswi KUTKM.

Namun di sebalik kejayaan ini, hargailah akan pengorbanan insan dan pihak lain yang turut menyumbang kepada setiap kejayaan itu. Ingatlah akan kata pepatah "jadilah resmi padi semakin berisi semakin menunduk dan janganlah menjadi resmi lalang semakin lama semakin meninggi". Beramallah dengan ilmu kerana ilmu menajamkan fikiran, mematangkan kelakuan dan mencerminkan kebijaksanaan. Graduan KUTKM perlu mengamalkan prinsip pendidikan sepanjang hayat untuk menjadi mereka sentiasa dihormati.

Akhir kata selamat maju jaya dan kami di KUTKM ini mendoakan anda sentiasa beroleh kejayaan dan menjadi insan terbilang.

Dari segi usia, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang ditubuhkan pada 1 Disember 2000 adalah sebuah universiti yang masih baru. Bagaimanapun, ia sudah dapat membina kemampuan dalam menawarkan program rengajian yang berkualiti tinggi dari peringkat diploma hingga ke Ijazah Doktor Faisafah. Di samping itu, ia juga tidak ketinggalan aktif dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

KUTKM telah menggubal pelan strategik baru yang merangkumi tempoh masa tahun 2006 hingga 2010 untuk digunakan bagi menggerakkan usaha bersepadu membawa universiti ke tahap cemerlang.

Tumpuan utama adalah kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta yang berkaitan termasuklah pembangunan prasarana dan sumber manusia. Universiti juga memberi penekanan kepada pembangunan diri pelajar supaya memiliki ciri-ciri kecemerlangan seimbang dalam akademik dan sahsiah serta jati diri, menjadikan mereka graduan pilihan utama dan maju sebagai ahli profesional yang kompeten dan berketerampilan.

KUTKM menjurus kepada bidang kejuruteraan di samping teknologi maklumat dan komunikasi, serta mengguna pakai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menekankan aspek praktikal berorientasikan aplikasi dan amalan.

Pada masa ini KUTKM mempunyai empat fakulti menawarkan program kejuruteraan dan satu fakulti menawarkan program dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Di samping itu KUTKM juga mempunyai satu institut yang menawarkan program dalam bidang pengurusan teknologi dan keusahawanan.

Kampus induk terletak di Durian Tunggal dengan dua fakulti beroperasi sepenuhnya di situ, manakala sebahagian besar universiti berada di Kampus Industri di Ayer Keroh.

KUTKM memilih untuk memberi fokus kepada Pembuatan Termaju

(advanced manufacturing) dan berusaha untuk terus membina kekuatan atau 'niche' dalam bidang ini. Dengan itu, universiti akan memberi keutamaan kepada program akademik, penyelidikan, infrastruktur dan kemudahan, serta pembangunan sumber manusia untuk bidang pembuatan termaju yang merangkumi juga bidang yang memberi sokongan termasuk kejuruteraan elektrik, elektronik, Romputer, mekanikal (khususnya automotif), bahan termaju dan ICT.

Majlis Konvokesyen Kedua KUTKM yang diadakan pada 5 dan 6 Ogos akan menyaksikan 265 graduan Diploma, 730 graduan Sarjana Muda dan seorang graduan Sarjana. Graduan seramai 996 orang itu terdiri daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik 202 orang, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer 228 orang, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal 167 orang, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan 143 orang, dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi 256 orang.

KUTKM telah memenuhi kriteria kualiti yang diiktiraf apabila dianugerahkan MS ISO 9001:2000 dalam reka bentuk dan penyampaian program pengajian. Semua program akademik yang ditawarkan kepada graduan kumpulan sulung mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan akreditasi bagi program kejuruteraan oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC).

KUTKM mengunjurkan enrolmen 10,000 pelajar pada tahun 2010 dan merancang akan mempunyai 50% staf akademik memiliki Ijazah Doktor Falsafah pada tahun yang sama. Di samping kelayakan akademik, tenaga pengajar juga dikehendaki mempunyai pengalaman industri. Ini adalah untuk menentukan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan dapat dilaksanakan dengan kejayaan sepenuhnya. Untuk mencapai tujuan tersebut, universiti telah mewujudkan skim sangkut industri (industrial attachment scheme), iaitu satu kemudahan yang membolehkan staf akademik bekerja dengan industri untuk tempoh 3 bulan hingga 2 tahun pada sesuatu masa.

Untuk menentukan KUTKM berjaya mencapai objektif penubuhannya melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan, ia memerlukan sokongan kuat industri. Untuk itu, universiti menjalin perkongsian pintar dengan beberapa industri, yang memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak. Industri yang telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan universiti untuk bekerjasama termasuklah Solidworks, Cubic Electronics, DRB-HICOM, CTRM, MAYA Artificial Intelligence, MRJ Technologies, Robomatics, KRU, DTEX International dan Mahr.

Aktiviti penyelidikan telah bermula seawal tahun 2003 dengan geran jangka pendek sebanyak RM500 ribu. Sehingga kini, jumlah geran jangka pendek yang diagihkan telah melebihi RM3.5 juta, manakala penyelidik universiti juga berjaya mendapat geran IRPA sebanyak RM750 ribu.

KUTKM telah melakar beberapa kejayaan dalam pelbagai pameran penyelidikan dan pertandingan reka cipta. Projek Artificial Intelligence Neural

Network Identity (AINI), selain memenangi beberapa hadiah, dicatat dalam Malaysia Book of Records sebagai robot interaktif pertama di Malaysia. Pada 34th International Exhibition of Inventions New Techniques and Products di Geneva, Switzerland, April lalu, KUTKM memenangi 1 pingat emas untuk 'Air Pressure Plug' dan 2 pingat perak untuk 'Carbon Adsorbent for Natural Gas and LPG Storage in Automobile' dan 'Economic Optical Waveguide Fabrication Technique Based on Ion Exchange'. Yang terakhir, dalam pertandingan Reka Cipta dan Inovasi Alat Permainan Negeri Melaka pada 22 Julai 2006, penyertaan KUTKM menang tempat kedua dan ketiga.

Kerjasama pada peringkat antarabangsa dilihat sebagai usaha yang boleh meningkatkan lagi kualiti universiti. Untuk itu, KUTKM telah menjalinkan hubungan dan mempunyai MoU dengan beberapa universiti luar negara iaitu Coventry University (CU), University of Sheffield, Technical University of Berlin, RMIT University, University of South Australia dan Institut Teknologi Bandung. Skop kerjasama merangkumi bidang akademik, penyelidikan, pembangunan sumber manusia, perkongsian kepakaran dan pertukaran pelajar.

Satu contoh kerjasama ialah pengwaran program Sarjana KUTKM-CU dalam Engineering Business Management dan Manufacturing System Engineering.

Untuk mendapat pengalaman dan pendedahan luar negara, KUTKM telah menghantar sekumpulan 13 orang pelajar untuk lawatan ke Melbourne, Australia pada April 2005 selama 2 minggu. Mereka berkesempatan melawat RMIT University, Monash University, Swinburne University of Technology dan beberapa industri di sekitar Melbourne. Pada Jun 2006 pula, universiti menghantar sekumpulan 5 orang pelajar ke South-Central University for Nationalities (SCUN), Wuhan, China untuk tempoh 1 bulan.

Pelajar yang menyertai lawatan tersebut berpeluang mengetahui kaedah pengajaran dan pembelajaran serta budaya kerja di universiti berkenaan, di samping mengenali lebih dekat masyarakat negara yang dilawati. Program seperti ini memberi banyak faedah kepada pelajar, dan mengeratkan lagi hubungan baik antara KUTKM dengan universiti yang terbabit, dan dari itu akan diteruskan lagi.

Dengan program akademik dan kegiatan tambahan untuk pembangunan diri yang mantap dan berkualiti tinggi, disokong pula dengan tenaga pengajar, staf pentadbiran dan sokongan yang berilitizam memberi perkhidmatan terbaik, serta pelbagai kemudahan moden dan canggih yang disediakan, para graduan KUTKM berupaya memberikan sumbangan yang positif dan berkesan kepada pembangunan negara.

#### Kata-Kata Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM

TAN SRI DATO' SERI (DR.) MOHD SALEH BIN SULONG Pengerusi  
Lembaga Pengarah KUTKM

Saya dengan sukacitanya menghulurkan sekalung tahniah kepada

graduan-graduan yang akan menerima ijazah mereka di Konvokesyen Kedua Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) pada 5 dan 6hb Ogos ini.

Graduan-graduan ini merupakan antara aset utama negara yang disebutkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-9 baru-baru ini.

Modal insan yang berkualiti telah dijadikan fokus utama oleh beliau apabila menyentuh tentang resipi yang diperlukan untuk menjayakan Misi Nasional dan Wawasan 2020. Beliau secarajelas mahukan pembangunan sumber manusia digerakkan ke arah membentuk modal insan yang berpengetahuan. Modal insan ini perlu dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran serta diseimbangi dengan nilai-nilai murni.

Bagi merealisasikan aspirasi ini, KUTKM bersama-sama IPTA lain telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan graduan-graduan yang berilmu dan berkemahiran teknikal dan generik. Mereka akan disediakan untuk bekerja sebagai profesional ke arah memenuhi kehendak industri dan pasaran pekerjaan. Pada masa yang sama, mereka juga akan dilengkapkan dengan kemahiran generik seperti komunikasi, pengurusan, kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan lain-lain. Kemampuan di dalam kedua-dua bidang ini akan menjadikan mereka graduan yang seimbang dan menambah nilai mereka pada pandangan para majikan.

Bagi meningkatkan lagi kualiti graduannya, KUTKM telah juga menekankan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan mereka. Ini dilihat sebagai satu langkah menjayakan graduan KUTKM lebih berdaya saing di pasaran pekerjaan, bukan hanya di peringkat kebangsaan tetapi juga antarabangsa. Beberapa langkah lain seperti pembentukan silibus yang menepati kehendak industri, kerjasama di antara universiti dan industri, penyelidikan yang berteraskan masalah sebenar industri dan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan adalah usaha-usaha KUTKM ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti.

Saya berharap agar setiap graduan yang melangkah keluar dari KUTKM akan menjadi penyumbang yang berkesan kepada pembangunan dan kemajuan Negara.

#### STATISTIK GRADUAN SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KEDUA KUTKM

BIL.	FAKULTI / KURSUS	BILANGAN GRADUAN
1.	FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK	
	Sarjana Sains Kejuruteraan Elektrik	1
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)	151 Diploma Kejuruteraan Elektrik
		151

	Diploma Kejuruteraan Elektrik	50
2.	FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER	
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri)	104
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)	59
	Diploma Kejuruteraan Elektronik	65
3.	FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL	
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal Bendalir)	85
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Struktur & Bahan)	27
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	55
4.	FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN	
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan)	96
	Diploma Kejuruteraan Pembuatan	47
5.	FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer)	45
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif)	61
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian)	102
	Diploma Teknologi Maklumat & Komunikasi	84
	JUMLAH	996

#### LAHIRKAN GRADUAN BERKUALITI PENUHI PERMINTAAN INDUSTRI

Pada tahun keenam penubuhannya, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) semakin dikenali dengan pencapaian cemerlang pelajar universiti itu dalam pelbagai bidang teknikal sejajar dengan kedudukannya sebagai antara universiti teknikal tersohor kini. Kejayaan universiti

mengoptimumkan penggunaan segala sumber yang ada dan memaksimumkan program pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan ternyata membawa kejayaan.

Dan kejayaan ini banyak didokong oleh program akademik yang ditawarkan yang ternyata membantu pelajar meraih kejayaan cemerlang. Selain itu, kerjasama erat antara Universiti dengan pihak industri dan penggunaan strategi perkongsian pintar antara kedua-dua pihak membolehkan pelajar yang berkualiti dilahirkan oleh universiti.

Kejayaan itu diterjemahkan pada majlis konvokesyen kali ini apabila masing-masing dua graduan menerima Anugerah Pelajaran Diraja dan Anugerah Hadiah Canselor sementara 14 graduan lagi menerima Anugerah Hadiah Rektor.

Bagi Anugerah Pelajaran Diraja, mereka membawa pulang wang tunai RM2,500 berserta sijil penghargaan dan pingat bersadur emas. Sementara untuk Anugerah Hadiah Canselor polar penerimanya mendapat wang tunai RM1,500 berserta sijil penghargaan dan pingat bersadur emas. Dan penerima Anugerah Hadiah Rektor pula memperoleh wang tunai RM1,000 berserta sijil penghargaan dan pingat bersadur perak.

Antara faktor yang menyokong kecemerlangan graduan KUTKM selain program akademik dan kaedah pengajaran dan pembelajarannya serta kemudahan makmal yang ada; ialah fokus universiti dalam menerapkan komponen pembangunan modal insan yang berkualiti iaitu memperlengkapkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran serta diseimbangi dengan nilai-nilai murni.

Dan graduan KUTKM juga sentiasa digalakkan mengamalkan prinsip pendidikan sepanjang hayat dalam usaha menggalakkan mereka supaya sentiasa berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan.

Ilmu dan kemahiran yang diberikan kepada pelajar lengkap dan mencakupi kemahiran dalam bidang masing-masing supaya mereka boleh melaksanakan tanggungjawab profesional dengan baik seperti dikehendaki oleh industri.

Selain itu, pelajar juga dilengkapkan dengan kemahiran komunikasi, pengurusan, kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan sebagainya supaya mereka mempunyai sedikit kelebihan apabila keluar dan ini akan menambahkan nilai mereka di pasaran kerja.

#### PENERIMA ANUGERAH AKADEMIK TAHUN 2006 KUTKM

#### PENERIMA ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA

NAMA	IJAZAH
Intan Azmira Wan Abdul Razak	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)

Kong Pei Rou

Ijazah Sarjana Muda Sains  
Komputer (Rangkaian Komputer)

PENERIMA HADIAH CANSELOR

NAMA

Kyairul Azmi Bin Baharin

IJAZAH

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan  
Elektrik (Kuasa Industri)

Soo Sit Kham

Ijazah Sarjana Muda Sains  
Komputer (Pembangunan Perisian)

PENERIMA HADIAH REKTOR

NAMA

Ahmad Kamal Bin Mohamad

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan  
Elektronik (Elektronik Industri)

Siti Aishah Binti Mat Junos @Yunus

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan  
Elektronik (Kejuruteraan Komputer)

Siti Fatimah Binti Sulaiman

Diploma Kejuruteraan Elektronik

Ammar Bin Alamshah

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan  
Elektrik (Kuasa Industri)

Vigneswaran AIL Ramu

Diploma Kejuruteraan Elektrik

Shakira Bagam Binti Mohamad Rith

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan  
Mekanikal (Termal Bendalir)

Mohd Azli Bin Salim

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan  
Mekanikal (Struktur Bahan)

Choi Yoke Pooi

Diploma Kejuruteraan Mekanikal

Nurul Huda Binti Muhamad Nasir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan  
Pembuatan (Proses Pembuatan)

AI Amin Bin Mohamed Sultan

Diploma Kejuruteraan Pembuatan

Gunaratnam A/L Balaratnaraj

Ijazah Sarjana Muda Sains  
Komputer (Rangkaian Komputer)

Wan Nishrin Binti Wan Roshdi

Ijazah Sarjana Muda Sains  
Komputer (Media Interaktif)

Ho Shi Nee

Ijazah Sarjana Muda Sains  
Komputer (Pembangunan Perisian)

PERUTUSAN TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR

T.Y.T. TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB Canselor

Syabas aan tahniah diucapkan kepada graduan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya. Langkah pertama telah berakhir maka kini bermula pula langkah kedua yang bakal menentukan kerjaya dan masa depan para graduan sekalian.

Saya percaya bekalan ilmu yang telah diperolehi sepanjang masa belajar di KUTKM akan mampu mempersiapkan diri para graduan untuk memenuhi tuntutan semasa di pasaran pekerjaan kelak. Kualiti dan kompetensi yang telah ditanamkan dalam diri harus dipamerkan dengan penuh keterampilan agar hasrat negara untuk dipimpin oleh generasi masa hadapan yang mempunyai minda kelas pertama dapat dicapai.

Perkara ini adalah penting kerana negara Malaysia yang kita cintai sedang menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu graduan-graduan yang dilahirkan oleh KUTKM mesti memahami teras utama untuk mencapai matlamat tersebut. Dalam hal ini, Kerajaan telah meletakkan Misi Nasional dan Islam Hadhari sebagai dua teras utama untuk menjayakan wawasan ini dan ianya mesti difahami, dihayati dan diamalkan oleh para graduan KUTKM.

Para graduan juga hendaklah sentiasa sedar bahawa dengan berakhirnya pembelajaran di KUTKM tidak pula bermaksud terhentinya proses pencarian ilmu. Prinsip pembelajaran sepanjang hayat atau "life long learning" mestilah menjadi amalan supaya negara terus memiliki pekerja yang berpengetahuan. Ini amat bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk menyediakan modal insan yang berkualiti dan seterusnya dapat memberi sumbangan yang bererti kepada kemajuan negara.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru para graduan untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam masyarakat. Jangan sisisikan diri anda daripada menyumbang semula kepada masyarakat kerana mereka memerlukan kepakaran yang anda miliki. Kurangnya penglibatan para graduan dengan masyarakat akan mengakibatkan sumbangan dan penglibatan akar umbi tidak akan berlaku dan ini akan membantutkan wawasan negara.

Akhir kata, saya menyeru supaya para graduan KUTKM dapat menjadikan diri mereka sebagai tulang belakang pembangunan dan kemajuan baik di Negeri Melaka maupun Malaysia. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan yang dicapai dan saya berharap agar para graduan akan lebih berjaya dalam kehidupan. Sekian.

(Source : Utusan Malaysia)